

NOTA AMALAN NO. 4/2020

PENJELASAN BERHUBUNG PENENTUAN PENDAPATAN KASAR DARIPADA PUNCA PERNIAGAAN TIDAK MELEBIHI RM50 JUTA SESUATU SYARIKAT ATAU PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

1. Nota Amalan ini dikeluarkan susulan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] (ACP 1967) melalui Akta Kewangan 2019 [Akta 823]. Berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2020, pindaan ini terpakai kepada:
 - (i) Syarikat pemastautin dan diperbadankan di Malaysia yang layak untuk menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2A, Bahagian 1, Jadual 1 ACP 1967 dan subperenggan 19A(3), Jadual 3 ACP 1967; atau
 - (ii) Perkongsian liabiliti terhad (PLT) pemastautin dan diperbadankan di Malaysia yang layak untuk menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2D, Bahagian 1, Jadual 1 ACP 1967.
2. Pindaan tersebut memperuntukkan bahawa, selain daripada keperluan untuk mempunyai modal berbayar saham biasa sehingga RM2.5 juta bagi syarikat atau mempunyai jumlah sumbangan modal sehingga RM2.5 juta bagi PLT, sebagai kriteria tambahan syarikat/ PLT itu perlu mempunyai pendapatan kasar daripada semua punca perniagaan yang tidak melebihi RM50 juta.
3. Nota Amalan ini menjelaskan bahawa kriteria tambahan bagi syarikat/ PLT untuk mempunyai pendapatan kasar daripada semua punca perniagaan hendaklah ditentukan seperti berikut:
 - 3.1 Tertakluk di bawah seksyen 22, 24 dan 30 ACP 1967 – bagi syarikat/ PLT yang menjalankan aktiviti pengilangan/ perdagangan/ perkhidmatan; atau
 - 3.2 Tertakluk kepada peruntukan khusus di bawah ACP 1967 atau peraturan yang ditetapkan bagi industri tertentu – bagi syarikat/ PLT yang menjalankan aktiviti seperti perbankan/ insurans/ pemaju/ kontraktor.
4. Isu-isu berbangkit berkaitan pemakaian kriteria tambahan:

BIL.	ISU	LAYANAN CUKAI
1.	Syarikat merupakan Syarikat Pemegang Pelaburan.	<p>Bagi syarikat yang merupakan syarikat pemegang pelaburan yang;</p> <p>(i) tertakluk di bawah seksyen 60F ACP 1967, syarikat yang merupakan syarikat pemegang pelaburan yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia, adalah dianggap tidak mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan dan ia tidak layak untuk menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2A, Bahagian 1, Jadual 1 dan subperenggan 19A(3), Jadual 3 ACP 1967;</p> <p>(ii) tertakluk di bawah seksyen 60FA ACP 1967, syarikat yang merupakan syarikat pemegang pelaburan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, adalah dianggap mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan dan ia layak menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2A, Bahagian 1, Jadual 1 dan subperenggan 19A(3), Jadual 3 ACP 1967.</p>
2.	Syarikat/ PLT tidak mempunyai pendapatan kasar punca perniagaan tetapi mempunyai pendapatan lain seperti sewa dan faedah.	<p>Sekiranya pendapatan lain seperti sewa dan faedah tidak ditaksir sebagai pendapatan daripada punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967, syarikat/ PLT dianggap tidak mempunyai pendapatan kasar punca perniagaan dan tertakluk kepada layanan cukai berikut:</p> <p>(i) syarikat tidak layak menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2A, Bahagian 1, Jadual 1 dan subperenggan 19A(3), Jadual 3 ACP 1967;</p>

BIL.	ISU	LAYANAN CUKAI
		(ii) PLT tidak layak menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2D, Bahagian 1, Jadual 1 ACP 1967.
3.	Syarikat/ PLT menjalankan perniagaan namun tidak mempunyai pendapatan kasar punca perniagaan kerana mengalami kerugian.	<p>Dalam keadaan di mana sesebuah syarikat/ PLT ada menjalankan aktiviti perniagaan dengan melakukan perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan perniagaan seperti pembelian stok perniagaan dan membuat pembayaran gaji pekerja, sewa premis, belanja promosi dan perbelanjaan lain yang dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967, namun mengalami kerugian daripada punca perniagaan tersebut kerana tidak memperolehi apa-apa pendapatan kasar perniagaan dalam tahun itu, maka syarikat/ PLT tersebut dianggap mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan yang bersamaan dengan sifar (NIL).</p> <p>Oleh itu, syarikat/ PLT berkenaan adalah tertakluk kepada layanan cukai berikut:</p> <p>(i) syarikat layak menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2A, Bahagian 1, Jadual 1 dan subperenggan 19A(3), Jadual 3 ACP 1967;</p> <p>(ii) PLT layak menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2D, Bahagian 1, Jadual 1 ACP 1967.</p>
4.	Syarikat/ PLT yang tidak mempunyai pendapatan kasar punca perniagaan kerana mengalami kerugian susulan pemberhentian operasi	Syarikat/ PLT yang memberhentikan operasi perniagaan secara sementara namun masih melakukan perbelanjaan berkaitan perniagaan seperti membuat pembayaran gaji pekerja, bil utiliti, penyelenggaraan dan sewa premis dan perbelanjaan lain yang dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP

BIL.	ISU	LAYANAN CUKAI
	perniagaan secara sementara.	<p>1967 dianggap mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan bersamaan dengan sifar (NIL) dan tertakluk kepada layanan cukai berikut:</p> <p>(i) syarikat layak menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2A, Bahagian 1, Jadual 1 dan subperenggan 19A(3), Jadual 3 ACP 1967;</p> <p>(ii) PLT layak menikmati layanan cukai di bawah perenggan 2D, Bahagian 1, Jadual 1 ACP 1967.</p>
5.	Syarikat/ PLT yang mempunyai pendapatan kasar punca perniagaan dari luar negara.	Pendapatan kasar punca perniagaan dari luar negara hendaklah diambilkira dalam menentukan pendapatan kasar perniagaan tidak melebihi RM50 juta.
6.	Syarikat/PLT yang memperolehi insentif tertentu/ galakan cukai seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan.	Pendapatan kasar punca perniagaan yang dikecualikan hendaklah diambilkira dalam menentukan pendapatan kasar perniagaan tidak melebihi RM50 juta.

5. Nota Amalan ini adalah bagi menggantikan Nota Amalan No. 3/2020 yang dikeluarkan pada 18 Mei 2020.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 21 DISEMBER 2020